



## **TEKS UCAPAN**

**Yang Berhormat  
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia  
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah  
Dato Paduka Haji Awang Othman  
*Menteri Hal Ehwal Ugama***

**Perjumpaan Muhibbah Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Dengan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara 2023**

**Pada Hari Selasa, 9 Rejab 1444  
Bersamaan 31 Januari 2023**

**Bertempat  
Di Dewan Multaqa, Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Negara Brunei Darussalam**

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أُمُورِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ،  
وَالصَّلَوةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَئِمَّةِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَهْلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah. Terlebih dahulu saya dan Kementerian Hal Ehwal Ugama mengalu-alukan sekalian Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Perjumpaan Muhibah pagi ini.

Seterusnya sekali lagi saya mengucapkan tahniah atas lantikan Yang Berhormat sekalian ke dalam Majlis Mesyuarat Negara, yang mana telah sempurna dengan masing-masing ahli yang dilantik mengikut ketegori keahliannya - termasuk saya dan rakan-rakan menteri Kabinet selaku Ahli Rasmi Kerana Jawatan - juga mengangkat sumpah lantikan pada hari Sabtu 28 Januari baru-baru ini.

Oleh itu sesuailah acara dalam perjumpaan muhibah kita pagi ini, Yang Berhormat sekalian tampil untuk kita sama-sama melihat ke dalam perkhidmatan ugama.

Kami menjangkakan, walau pun baharu sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara namun masing-masing Yang Berhormat tentu sedia dengan pemikiran-pemikiran sebagai warga negara terhadap hal ehwal kerajaan dan negara, yang mana hal ehwal ugama adalah sebahagian daripada perkhidmatan yang diurus kendalikan oleh Kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Misalnya, banyak sudut dalam bidang-bidang perkhidmatan ugama itu memerlukan pembaikan, peningkatan khasnya dalam urus tadbirnya, sebagaimana yang kami sentiasa usahakan. Namun maklumlah sebagai orang di dalamnya kami mungkin tidak sampai terjangkau perkara dan ehwal keugamaan yang kami tidak nampak dari dalam tapi lebih jelas nampak dari luar.

Penglihatan dari luar mengenai perkara-perkara yang tidak terjangkau oleh kami di dalam itu kerana tidak menampaknya sejelas orang luar melihatnya, dan memikirkan peri kepentingannya, itulah yang kami harapkan dalam perjumpaan seperti ini untuk sama-sama kami dapat menyedari adanya.

Maka pandangan atau buah fikiran daripada Yang Berhormat sekalian mustahak kami ketahui sejelasnya.

Misalnya dalam perkara zakat, iaitu kutipan dan agihan. Dari sudut pandang kami yang melaksanakannya sudah mendapati ianya perlu difikirkan. Khusus mengenai cara atau kaedah kutipan zakat pada masa ini berbanding dengan jumlah pemohon-pemohon yang terus meningkat. Pada penglihatan kami yang menguruskannya sudah ada beberapa fikiran untuk menghadapi isu itu. Maka dalam kesempatan ini kami harapkan ada *inputs* atau masukan-masukan pemikiran dalam perjumpaan kita ini untuk menjadi sumber inspirasi dalam kami melaksanakan apa yang terbaik.

Itu mengenai zakat, kutipan dan agihannya terutama dalam menghadapi peningkatan permohonan.

Ada beberapa perkara lagi yang kami jangkakan akan mendapat pandangan daripada Yang Berhormat sekalian. Perkara masjid, dakwah, persekolahan ugama dan lainnya dalam bidang perkhidmatan Kementerian ini.

Maka secara ringkasnya itu yang saya pilih untuk diketengahkan. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala mentaufeqkan sebarang buah fikiran yang diketengahkan ke ruang dan hala tuju yang berkebajikan lagi diredhai-Nya.

Terima kasih.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا،  
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman (*Menteri Hal Ehwal Ugama*)

Pejabat Menteri  
Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Isnin, 8 Rejab 1444 / 30 Januari 2023